

3756/2  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 2  
Ogos  
2019  
2 ½ jam

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019  
Negeri Perlis**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

**Bahagian A**

[60 markah]

*Jawab semua soalan.*

1 (a) Jelaskan maksud kos manfaat dan tujuannya. [2 markah]

(b) Apakah tujuan perniagaan perkongsian ditukar kepada Syarikat Sendirian Berhad  
[2 markah]

(c) Perniagaan Amin telah menerima invois berjumlah RM3 000 pada 15 Mac 2019. Syarat yang terdapat dalam Invois adalah seperti berikut:

Diskaun niaga sebanyak 10%  
Diskaun tunai 10% 10 hari, 2% 30 hari.

Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Perniagaan Amin jika invois itu dijelaskan pada 26 Mac 2019. [2 markah]

(d) Berikut ialah petikan Penyata Kedudukan Kewangan yang diambil daripada buku Perniagaan PuspaWangi pada 30 April 2019.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2019

Aset Bukan Semasa	RM
Perabot	38 000
Tolak: Susut Nilai Terkumpul	6 500
	<u>31 500</u>

Pada 30 April 2019, perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Hitung jumlah susut nilai terkumpul pada 30 April 2019. [2 markah]

(e) Jelaskan maksud perbelanjaan modal dalam Kelab Fotografi Bukit Keteri dengan memberikan satu contoh [2 markah]

- 2 Wong merupakan pemilik Treenut Enterprise yang memulakan perniagaan milik tunggal pada 1 Mac 2018. Imbangan Duga perniagaan adalah seperti berikut:

<b>Treenut Enterprise</b>		
<b>Imbangan Duga pada 28 Februari 2019</b>		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Premis	120 000	
Inventori 1 Mac 2018	25 000	
Modal 1 Mac 2018		143 793
Kenderaan (kos)	24 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		3 600
Lengkapan	8 400	
Susut nilai terkumpul lengkapan		840
Belian dan Jualan	45 600	86 840
Pulangan	340	546
Bank	6 930	
Angkutan masuk	700	
Diskaun	455	650
Akaun belum terima	8 550	
Akaun belum bayar		6 770
Peruntukan hutang ragu		171
Kadar bayaran	1 435	
Gaji	12 500	
Ambilan	300	
Sewa		11 000
	254 210	254 210

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 28 Februari 2019 seperti berikut:

	Produk A	Produk B	Produk C	Produk D
Harga Kos (RM)	3 200	2 450	4 460	1 550
Harga Pasaran (RM)	3 500	2 050	5 240	2 260

- (ii) Angkutan keluar RM250 tersilap rekod dalam angkutan masuk
- (iii) Perniagaan menyewakan ruang niaga bermula 1 Mei 2018 dengan sewa bulanan RM1 000
- (iv) Gaji bulanan RM1 100.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 4% atas akaun belum terima.
- (vi) Aset bukan semasa perlu disusutnilaikan seperti berikut:
- kenderaan 15% mengikut kaedah garis lurus
  - Lengkapan 10% mengikut kaedah baki berkurangan

- (vii) Urus niaga berikut masih belum direkod:
- (a) Pemilik telah membaiki premis menggunakan wang simpanan peribadinya RM1 700. Perkara ini belum direkodkan
  - (b) Insurans RM3 900 dibayar dengan cek untuk 13 bulan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2019 [13 markah]
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2019 [12 markah]

3 Encik Mirzan, pemilik Perniagaan MIKASA menganggarkan penerimaan dan pembayaran berikut bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2019

(a) Pada 1 Oktober, Perniagaan MIKASA mempunyai baki-baki berikut:

	RM
Tunai di tangan	10 000
Tunai di bank	4 570
Perabot	12 000
Akaun Belum Terima	9 500
Akaun Belum Bayar	7 000

(b) Jualan tunai perniagaan pada bulan Oktober adalah RM45 000 dan akan bertambah setiap bulan sebanyak 10%.

(c) Jualan kredit bulan Oktober adalah RM20 500 dan akan meningkat 5% setiap bulan. Tempoh kredit adalah sebulan.

(d) Maklumat belian perniagaan adalah seperti berikut:

Bulan	Belian
Oktober	RM50 600
November	RM41 000
Disember	RM47 690

Belian tunai adalah 70%, manakala bakinya diberi tempoh kredit sebulan.

(e) Belanja bulanan:

	RM
Gaji	3 200
Sewa	3 950
Kadar bayaran	2 880

(f) Susutnilai perabot adalah RM1 000 setiap bulan. Perabot akan dijual pada harga RM10 000 pada 1 November 2019 secara tunai.

(g) Perniagaan bercadang membeli komputer berharga RM6 500 pada bulan November. Bayaran pendahuluan sebanyak RM3 000 dibuat pada bulan November dan bakinya dijelaskan dalam 4 kali ansuran bulanan bermula bulan berikutnya.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Disember 2019 [22 markah]

(b) Melengkapkan prestasi perniagaan dengan membandingkan belanjawan dengan urus niaga sebenar bagi 3 bulan tersebut dalam jadual di bawah.

Butir	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)	Prestasi
Jualan		162 000	
Belian		99 000	
Gaji		8 000	

[3 markah]

**Bahagian B**

( 40 markah )

(Jawab mana-mana dua soalan)

- 4 (a) Maryam Enterprise adalah pengeluar susu berasaskan kurma berjenama MARYAM di Kangar, Perlis.

Anggaran kos dan harga jualan adalah seperti berikut:

	RM
Susu segar	2.00
Kurma	0.50
Lain-lain bahan	0.50
Gaji buruh langsung	0.50
Sewa kilang	1000
Insurans kilang	300
Harga jualan	5.50

**Anda dikehendaki menghitung:**

- (i) Kos tetap [2 markah]  
(ii) Kos berubah [2 markah]  
(iii) Titik pulang modal [2 markah]  
(iv) Berdasarkan jawapan di atas, lakarkan graf Titik pulang modal [4 markah]

- 4 (b) Puteri Aish dan Puteri Ayu ialah pekongsi dalam Perkongsian AIYU yang membahagikan keuntungan dan kerugian secara sama rata. Mereka telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 1 Julai 2019.

Kedudukan kewangan perkongsian mereka pada tarikh pembubaran adalah seperti berikut:

	RM
Premis	100 000
Lengkapan	10 800
Inventori	32 200
Akaun belum terima	5 900
Bank	10 300
Akaun belum bayar	9 200
Modal Aish	75 000
Modal Ayu	75 000

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Premis,engkapan dan inventori dijual dengan harga RM160 000
- (ii) Semua hutang dapat dikutip kecuali baki seorang akaun belum terima RM900 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Belanja realisasi RM1 000.
- (iv) Sekeping bil elektrik yang belum dijelaskan bernilai RM350 telah dijumpai dan dibayar oleh Aish.
- (v) Semua liabiliti dijelaskan sepenuhnya.
- (vi) Semua pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi [6 markah]
- (b) Akaun Modal pekongsi (dalam bentuk beruangan) [4 markah]

- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Badminton Kangar yang telah ditubuhkan pada tahun 2017 di Kangar, Perlis.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Bangunan Kelab (kos)	100 000	100 000
Lengkapan dan lengkapan		9 000
Inventori kafetaria	3 200	2 400
Akaun belum terima kafetaria	2 000	2 600
Yuran belum terperoleh	400	1 200
Yuran belum terima	1 300	1 500
Kadar bayaran belum bayar	200	400
Susut nilai terkumpul bangunan kelab	20 000	?

Akaun Penerimaan dan pembayaran Kelab Badminton Kangar bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Kelab Badminton Kangar			
Akaun Penerimaan Dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2018			
	RM		RM
Baki b/b	42 000	Upah pekerja kafetaria	1 500
Yuran ahli	55 000	Akhbar dan majalah	250
Yuran masuk	2 000	Insurans kelab	2 400
Derma untuk bina gelanggang	7 000	Kadar bayaran	1 600
Jualan kafetaria	14 600	Belian kafetaria	5 500
Sewa kanopi	1 500	Lengkapan dan lengkapan	9 000
Akaun belum terima kafetaria	3 500	Kursus motivasi	3 600
		Baki h/b	101 750
	<b>125 600</b>		<b>125 600</b>
Baki b/b	101 750		

**Maklumat tambahan:**

- (i) Yuran lapuk adalah sebanyak RM750.
- (ii) Sewa kanopi berjumlah RM450 masih belum diterima.
- (iii) Bangunan kelab disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun yuran ahli [3 markah]
- (b) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2018 [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan kafetaria bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [3 markah]
- (d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [9 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dengan menunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja. [2 markah]



- 6 Nasarudin adalah pemilik Perniagaan Nasa di Bukit Keteri, Perlis. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan beliau pada 31 Julai 2019.

	<b>RM</b>
Kenderaan	98 000
Alatan Pejabat	12 500
Akaun Belum Terima	9 950
Inventori	7 300
Bank	6 100
Modal	105 450
Akaun Belum Bayar	8 400
Pinjaman	20 000

Perkara-perkara berikut telah berlaku sepanjang bulan Julai 2019 :

- Julai 2 Menjual barang niaga berkost RM2 000 secara kredit pada harga RM2 400.
- 5 Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM300 dan cek sebanyak RM500 untuk kegunaan keluarga.
- 6 Membeli barang niaga bernilai RM2 200 dan menjelaskan bayaran dengan cek
- 7 Sekeping cek bernilai RM 3 000 daripada Akaun Belum Terima telah ditanda sebagai cek tak laku
- 11 Memulangkan barang yang rosak sebanyak RM300 kepada Akaun Belum Bayar.
- 12 Bayar sewa kedai RM1 250 dengan cek.
- 17 Menerima cek yang bernilai RM2 500 daripada Akaun Belum Terima dan memberi diskaun RM250.
- 23 Membayar kepada pembekal sebanyak RM3 500 dengan cek. Terima diskaun RM350.
- 25 Pemilik membawa masuk komputer ke dalam perniagaan bernilai RM1 500 sebagai untuk kegunaan perniagaan
- 31 Membayar gaji pekerja berjumlah RM2 000 dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Jadual persamaan perakaunan yang telah disediakan (Lampiran A) [15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019. [5 markah]

## LAMPIRAN A

ASET						EKUITI PEMILIK & LIABILITI			
TARIKH	KENDERAAN	ALATAN PEJABAT	AKAUN BELUM TERIMA	INVENTORI	BANK	MODAL	UNTUNG BERSIH	AKAUN BELUM BAYAR	PINJAMAN
2019	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki									
JUMLAH									